

Semakin ramai belia mahu beli rumah usia muda

➔ Ekspo PR1MA peluang miliki kediaman di kawasan bandar dengan harga mampu milik

Oleh Syalikhah Sazili
syalikhah@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kehadiran belia pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional anjuran Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) membuktikan kesedaran untuk memiliki kediaman pada usia muda adalah satu keperluan masa kini.

Rata-rata mereka yang berkunjung ekspo perumahan terbesar negara itu, bertujuan merebut peluang keemasan memiliki rumah di kawasan bandar yang sedang ditawarkan di bawah harga pasaran serta mampu milik.

Pengunjung, Kamarul Nadzim, 24, berkata ekspo itu membuka mata belia untuk memiliki rumah

pada usia muda, selain menawarkan pelbagai lokasi menarik.

Beliau yang baru bekerja sambil menjadi pelajar separuh masa jurusan pembinaan di sebuah universiti swasta, berminat mencari rumah di kawasan Lembah Klang.

Ekspo beri pendedahan

"Lokasi memainkan peranan penting kerana untuk berulang alik dari tempat kerja ke rumah, ia menelan kos, justeru perlu diambil kira.

"Selain itu, bagi saya yang kali pertama mahu membeli rumah, ekspo ini banyak memberi pendedahan dari segi penerangan, pinjaman bank dan turut mempunyai kaunter untuk menyemak CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat)," katanya ketika ditemui



Pengunjung tidak melepaskan peluang memiliki rumah PR1MA pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional-Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional-Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Juruterawati, Muhammad Hazim, 25, pula merasakan harga rumah mampu milik perlu diberi pertimbangan untuk diturunkan lagi.

"Untuk memiliki rumah pada usia muda bukan mudah kerana tangga gaji pada permulaan juga tidak besar.

"Justeru kerajaan wajar memberi pertimbangan membantu generasi muda yang belum bergaji besar ini, tetapi mahu merebut peluang memiliki rumah pertama yang dibangunkan kerajaan," katanya.

Ekspo yang berlangsung selama sembilan hari bermula kelmarin

itu, menawarkan lebih 100,000 unit rumah dengan menyasar pembeli berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

10 lokasi pilihan

Ekspo berkenaan hasil inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bekerjasama dengan PR1MA, Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad, Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) dan agensi di bawah kerajaan negeri.

Sebanyak 10 lokasi dipilih iaitu Perak, Sabah, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Sarawak, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Sementara itu, Khairul Azha, 27, yang sudah berumah tangga dan mempunyai dua anak berusia lima

tahun dan enam bulan, pula mahu memiliki rumah di tempat kelahirannya, Johor Bahru.

"Saya sudah membuat semakan untuk melihat kelayakan memiliki rumah, justeru saya bercadang membeli rumah PR1MA di Pasir Gudang.

"Walaupun saya dan isteri kini menyewa dan menetap di Kuala Lumpur, namun impian kami untuk memiliki rumah di kampung halaman," katanya.

Bagi, Lee Fui Khuan, 26, pula mengimpikan rumah mampu milik di Cyberjaya.

"Selepas membuat permohonan saya dijemput untuk ke ekspo ini dan saya sangat teruja untuk memilih rumah.

"Saya berminat rumah jenis kondominium kerana ia lebih murah dan nampak moden," katanya.